JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA

KETETAPAN UMUM BIL: 4/2026

TARIKH KUATKUASA: 13 OGOS 2026

KETETAPAN UMUM

Ketetapan Umum ini dikeluarkan selaras dengan kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah Kastam di bawah seksyen 10F Akta Kastam 1967 (**Akta 235**), seksyen 5F Akta Eksais 1976 (**Akta 176**), seksyen 762 Akta Cukai Barang & Perkhidmatan 2014 (**Akta 762**), seksyen 31A Akta Cukai Pelancongan 2017 (**Akta 791**), seksyen 42 Akta Cukai Jualan 2018 (**Akta 806**) dan seksyen 41 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (**Akta 807**).

Ketetapan Umum ini dikeluarkan bagi menggantikan Ketetapan Umum Bil: 1/2020 bertarikh 30 Julai 2020 dan 19 Ogos 2021.

Ketetapan Umum ini boleh dipinda sebahagiannya atau keseluruhannya atau ditarik balik pada bila-bila masa melalui penerbitan baru atau suatu notis tarik balik.

Jika terdapat apa-apa pindaan dalam perundangan yang memberi kesan kepada kandungan Ketetapan Umum ini, pindaan perundangan tersebut mengatasi maklumat dalam Ketetapan Umum ini.

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: **13 Ogos 2026**

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta 1987 (Malaysia).
Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Apa-apa dalam penghasilan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber adalah diperlukan.

Penafian

Dokumen ini hanyalah sebagai panduan umum semata-mata. Ia tidak bertujuan untuk menyelesaikan isu dan permasalahan yang spesifik. JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain kerugian yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana orang kerana menggunakan maklumat dari dokumen ini secara salah tafsir, tidak bertanggungjawab atau tidak berketepatan dengan undang-undang yang diperuntukkan.

ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN ……...2

2. TUJUAN ..……..2

3. TAFSIRAN.. ……..……...…….....2

4. PERUNDANGAN..…….……3

5. PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA 4

6. PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA.....……5

7. TANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI/CUKAI/LEVI.…….6

8. SOALAN-SOALAN LAZIM.....6

9. MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN.....…….8

Hakcipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

1. PENGENALAN

Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam (KPK) yang dibuat secara bertulis boleh membuat permohonan semakan semula. Ini adalah selaras dengan *Chapter 10 to The General Annex of Revised Kyoto Convention – "Any person who is directly affected by a decision or omission of the Customs, shall have a right of appeal"*.

2. TUJUAN

Ketetapan Umum ini bertujuan menjelaskan prosedur permohonan semakan semula ke atas keputusan KPK yang dibuat di bawah Akta 235, Akta 176, Akta 762, Akta 791, Akta 806, Akta 807 dan Akta Levi Pelepasan 2019 (Akta 813).

3. TAFSIRAN

Dalam Ketetapan Umum ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"**cukai"** ertinya cukai yang dikenakan di bawah Akta 762, Akta 791, Akta 806 dan Akta 807;

"duti" ertinya duti kastam seperti yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta 235 atau duti eksais yang dikenakan di bawah Akta 176;

"keputusan Ketua Pengarah Kastam" ertinya keputusan muktamad yang dibuat secara bertulis oleh—

(i) KPK;

(ii) mana-mana pegawai kanan kastam yang berjawatan Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Penolong Ketua Pengarah Kastam, Pengarah Kastam, Timbalan Pengarah Kastam, Penolong Kanan Pengarah Kastam dan Penolong Pengarah Kastam bagi pihak Ketua Pengarah Kastam yang dibuat di bawah Akta 235, Akta 176, Akta 762 dan Akta 791;

(iii) mana-mana pegawai kanan cukai jualan atau cukai perkhidmatan bagi pihak KPK yang dibuat di bawah Akta 806 dan Akta 807; atau

Hakcipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

(iv) mana-mana pegawai kanan kastam bagi pihak KPK yang dibuat di bawah Akta 813.

"keputusan muktamad" ertinya semua keputusan muktamad yang dibuat secara bertulis oleh KPK tidak termasuk surat pemakluman berkaitan layanan cukai;

"Ketetapan Kastam" ertinya keputusan KPK yang dikeluarkan berkaitan dengan perkara yang ditetapkan di bawah seksyen 10A Akta 235, seksyen 5A Akta 176, seksyen 43 Akta 806 dan seksyen 42 Akta 807;

"**levi"** ertinya levi yang dikenakan di bawah Akta 813;

"Pemohon" ertinya mana-mana orang yang telah menerima suatu keputusan KPK dan orang tersebut tidak berpuas hati dengan keputusan yang diterima tersebut;

"**Tribunal"** ertinya Tribunal Rayuan Kastam;

"Unit Semakan Semula" ertinya Unit Semakan Semula, Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

4. PERUNDANGAN

Ketetapan Umum ini dibuat berasaskan peruntukan undang-undang berhubung semakan semula seperti berikut:

(i) Seksyen 143 Akta 235;

(ii) Seksyen 47 Akta 176;

(iii) Seksyen 124 Akta 762;

(iv) Seksyen 67 Akta 791;

(v) Seksyen 96 Akta 806;

(vi) Seksyen 81 Akta 807;

(vii) Seksyen 59 Akta 813;

(viii) Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Levi Pelepasan 2019.

Hakcipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

5. PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA

5.1 Semua keputusan KPK yang dibuat di bawah Akta 235, Akta 176, Akta 762, Akta 791, Akta 806, Akta 807 dan Akta 813 adalah layak dibuat permohonan semakan semula kecuali—

(i) Perkara berkaitan kompaun;

(ii) Perkara di bawah subseksyen 128(3A) Akta 235; atau

(iii) Perkara di bawah subseksyen 67(3) Akta 176

5.2 Surat pemakluman berkaitan layanan cukai yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat dan Pengarah Kastam Negeri bagi menjawab pertanyaan dari mana-mana pihak adalah bukan suatu keputusan muktamad KPK. Pemohon perlu memiliki keputusan Ketetapan Kastam terlebih dahulu dan sekiranya masih tidak berpuas hati dengan keputusan Ketetapan Kastam yang dikeluarkan, Pemohon boleh memohon semakan semula.

5.3 Permohonan semakan semula hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan mengenai keputusan KPK dengan syarat tiada rayuan difailkan ke Tribunal atau Mahkamah Tinggi atas keputusan yang sama.

5.4 Permohonan semakan semula **TIDAK AKAN DIPROSES** jika permohonan tersebut—

(i) dikemukakan selepas tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan mengenai keputusan KPK;

(ii) melibatkan keputusan KPK yang telah dirayu kepada Menteri Kewangan, Tribunal atau Mahkamah Tinggi;

(iii) telah dibuat keputusan semakan semula dan keputusannya telah dikeluarkan kepada Pemohon;

(iv) melibatkan keputusan berhubung kompaun di bawah Akta 235, Akta 176, Akta 762, Akta 791, Akta 806, Akta 807 dan Akta 813;

(v) melibatkan perkara dalam siasatan oleh JKDM; atau

Hakcipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

(vi) melibatkan Bil Tuntutan yang belum dibuat bayaran.

5.5 Keputusan semakan semula adalah muktamad dan tidak boleh disemak semula untuk kali kedua. Keputusan semakan semula dikeluarkan di mana praktik dalam tempoh 60 hari dari tarikh penerimaan permohonan semakan semula tertakluk kepada pengemukaan dokumen atau maklumat lengkap daripada Pemohon.

5.6 Pemohon yang masih tidak berpuas hati dengan keputusan semakan semula boleh membuat rayuan ke Tribunal atau Mahkamah Tinggi.

6. PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA

6.1 Permohonan semakan semula hendaklah dibuat secara atas talian melalui Portal Permohonan Semakan Semula yang boleh diakses menerusi pautan **http://esemakan.customs.gov.my/**.

6.2 Tatacara bagi permohonan atas talian adalah seperti berikut:

(i) Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan diperakukan oleh Pemohon atau orang yang diberi kuasa oleh Pemohon secara atas talian. Jika Pemohon merupakan sebuah syarikat, orang yang diberi kuasa hendaklah di kalangan pegawai syarikat sahaja. Mana-mana permohonan dan perakuan yang dibuat menerusi ejen cukai atau peguam bagi pihak Pemohon adalah tidak dibenarkan;

(ii) Alasan permohonan semakan semula hendaklah dinyatakan dengan jelas;

(iii) Pemohon juga perlu memuat naik dokumen sokongan permohonan seperti mana berikut:

a) Surat keputusan KPK;
b) Salinan cetakan borang permohonan semakan semula yang lengkap ditandatangani; dan

c) Dokumen lain untuk menyokong alasan permohonan semakan (jika berkaitan).

6.3 Hanya permohonan yang lengkap akan diproses. Permohonan semakan semula akan diproses dalam tempoh 60 hari atau tempoh munasabah dari tarikh dokumen lengkap diterima.

Hakcipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

6.4 Sekiranya permohonan yang telah difailkan ditarik balik oleh Pemohon, notis atau pemakluman penarikan permohonan secara bertulis hendaklah dibuat oleh Pemohon kepada Unit Semakan Semula, Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat melalui emel **semakan@customs.gov.my.**

7. TANGGUNGJAWAB MEMBAYAR DUTI / CUKAI / LEVI

7.1 Apa-apa duti, cukai atau levi yang genap masa dan dikenakan bayaran hendaklah dibayar sebelum permohonan semakan semula dikemukakan.

7.2 Walaupun Pemohon telah memfailkan permohonan untuk semakan semula, JKDM masih boleh meneruskan apa-apa tindakan penguatkuasaan yang ditetapkan oleh undang-undang.

8. SOALAN-SOALAN LAZIM

S1. Apakah keputusan yang layak disemak semula?

Keputusan yang layak disemak semula adalah keputusan muktamad yang dibuat oleh KPK atau mana-mana pegawai kanan kastam bagi pihak KPK secara bertulis di bawah Akta 235, Akta 176, Akta 762, Akta 791, Akta 806, Akta 807 dan Akta 813.

S2. Bolehkah keputusan Ketetapan Kastam yang dikeluarkan oleh JKDM di bawah seksyen 10B Akta 235 disemak semula?

Boleh.

S3. Adakah permohonan remisi penalti yang dikenakan di bawah Akta 762, Akta 791, Akta 806, Akta 807 dan Akta 813 boleh dibuat melalui semakan semula?

Permohonan remisi penalti kali pertama hendaklah dibuat secara bertulis kepada KPK. Mana-mana keputusan permohonan remisi (kali pertama) yang ditolak boleh dikemukakan untuk semakan semula.

S4. Bilakah permohonan semakan semula boleh dibuat?

Permohonan semakan semula hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan mengenai keputusan KPK dengan syarat tiada rayuan difailkan ke Tribunal atau Mahkamah Tinggi atas keputusan yang sama.

Hakcipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

S5. Syarikat XX telah membuat tuntutan pulang balik duti import dan cukai jualan yang telah dibayar setelah barang yang diimport tersebut dieksport semula. Walau bagaimanapun, permohonan tuntutan pulang balik tersebut telah ditolak melalui satu surat yang dikeluarkan oleh JKDM. Jika syarikat ingin membuat permohonan semakan semula berapakah permohonan perlu diisi?

Syarikat hanya perlu mengisi satu permohonan sahaja kerana satu permohonan semakan semula adalah untuk satu keputusan.

S6. Adakah surat pemakluman berkaitan layanan cukai jualan atau cukai perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat dan Pengarah Kastam Negeri bagi menjawab pertanyaan dari mana-mana pihak boleh dibuat permohonan semakan semula?

Tidak boleh. Keputusan layanan cukai yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat dan Pengarah Kastam Negeri bukanlah suatu keputusan KPK yang muktamad dan tidak boleh dirayu kepada Unit Semakan Semula dan Tribunal. Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan surat maklum balas layanan cukai jualan atau cukai perkhidmatan tersebut hendaklah membuat permohonan Ketetapan Kastam di bawah seksyen 43 Akta 806 dan seksyen 42 Akta 807.

S7. Syarikat E telah menerima Nasihat Klasifikasi Barangan (NKB) yang dikeluarkan oleh JKDM Negeri. Adakah permohonan semakan semula boleh dibuat ke atas NKB tersebut?

Tidak. NKB bukan keputusan KPK.

S8. Adakah permohonan Keputusan Bayaran Secara Bantahan di bawah seksyen 13A Akta 235 boleh dibuat semakan semula?

Ya, boleh.

S9. Adakah surat hasil verifikasi audit boleh dimohon untuk semakan semula?

Tidak. Surat hasil verifikasi audit bukan merupakan keputusan KPK.

S10. Adakah syarikat boleh membuat permohonan rayuan ke Tribunal atau Mahkamah secara terus tanpa melalui permohonan semakan semula?

Ya, boleh.

Hakcipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

9. MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN

Sebarang maklum balas dan pertanyaan boleh dikemukakan—

(i) melalui emel di alamat **semakan@customs.gov.my**;

(ii) dengan menghubungi pegawai Unit Semakan Semula di talian 03-8882 2100; atau

(iii) secara bersurat dan dihantar secara kendiri atau pos ke alamat di bawah:

Unit Semakan Semula
Cawangan Pendakwaan Dan Rayuan
Bahagian Penguatkuasaan
Aras 3 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan,
No.3 Persiaran Perdana, Presint 2
62596 Wilayah Persekutuan Putrajaya

KETUA PENGARAH KASTAM
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Hakcipta Terpelihara © 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia